

Headline	Program Pengurangan Mudarat berjaya kurangkan jangkitan HIV		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	03 Mar 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	16	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,310
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,930



Program Pengurangan Mudarat berjaya kurangkan jangkitan HIV

PEKAN: Program Pengurangan Mudarat @ Harm Reduction yang juga melibatkan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) terbukti berjaya mengurangkan kadar jangkitan HIV yang berpunca daripada perkongsian jarum suntikan.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata sejak pelaksanaannya pada 2006, jangkitan HIV menerusi perkongsian jarum suntikan menurun daripada 74 peratus pada 2002 kepada 16 peratus pada tahun 2015.

“Setakat ini, program ini dilaksanakan di KK (Klinik Kesihatan) sekitar Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Johor serta akan diperluaskan pada masa hadapan melihat kepada kejayaannya.

Program ini bukan sahaja mengurangkan jangkitan HIV, tetapi juga berkesan mengurangkan beban kos rawatan, mengatasi masalah ketagihan dan meningkatkan kepatuhan kepada rawatan,” katanya.

Hilmi berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Projek Pengurangan Mudarat oleh Badan Bukan Kerajaan di Klinik Kesihatan Peramu Jaya di sini semalam, yang turut dihadiri Pengarah Kesihatan Pahang Dr Sha’ari Ngadiman.

Beliau menambah antara yang berjaya ialah program melibatkan Majlis AIDS Malaysia (MAM) yang dimulakan



RAMAH MESRA: Hilmi (tengah) beramah mesra dengan kakitangan Klinik Kesihatan Peramu Jaya ketika hadir merasmikan Projek Pengurangan Mudarat oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Pekan, semalam. — Gambar Bernama

di Klinik Kesihatan (KK) Kuala Sungai Baru, Melaka pada Julai 2015 sehingga ia diperluaskan ke-12 KK terpilih.

Menurutnya kerajaan mula melaksanakan program pengurangan mudarat sejak 2006 menerusi Program Pertukaran Jarum, namun kurang mendapat sambutan kerana tiada penglibatan NGO, sebelum kembali menampakkan harapan pada 2015 dengan penglibatan MAM.

“NGO yang terlibat akan mencari mereka yang memerlukan perkhidmatan ini dan dibawa ke KK terpilih untuk menjalani ujian darah dan jika disahkan menghidap HIV, akan diberi rawatan.

Selain penglibatan NGO, kita juga mengalu-alukan mereka untuk datang secara sukarela

ke KK. Tapi mungkin kerana takut, segan atau tidak tahu wujud perkhidmatan ini... kita memerlukan NGO ini untuk bertindak sebagai penghubung kepada KK,” katanya.

Hilmi berkata statistik menunjukkan sehingga 2015, sejumlah 145,450 orang atau 85 peratus pengguna dadah suntikan di negara ini telah mendaftar dengan program pengurangan mudarat.

Mengikut rekod daripada jumlah itu, 66,907 orang atau 46.2 peratus mengikuti rawatan Methadone iaitu pemberian ubat bagi menghentikan pengambilan dadah heroin atau morfin di 857 pusat rawatan manakala 78,543 atau 53.8 peratus mengikuti program pertukaran jarum dan alat suntikan di 639 lokaliti. — Bernama